



PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2026
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(SABAH & SARAWAK)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sang Kinabalu megah berdiri,
Sang Kenyalang lambang pertiwi,
Tahun baharu tekad dipateri,
Ayuh bangun bersama Malaysia MADANI!

1. Bersempena Tahun Baharu 2026, saya ingin merakamkan ucapan selamat tahun baharu kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak. Saya mendoakan agar kita semua untuk terus hidup bersama dalam suasana aman, harmoni dan makmur dalam Negara yang kita cintai ini.
2. Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) kekal konsisten untuk memastikan hak, kepentingan dan kemajuan Sabah serta Sarawak terus dipelihara dan diperkasakan selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan Persekutuan Malaysia.
3. Komitmen Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan MA63 telah dizahirkan secara berterusan sejak penubuhan Jawatankuasa Devolution of Authority (JKDA) pada tahun 2016 yang dipengerusikan bersama oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman dan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, bagi membincangkan perkara-perkara MA63 yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah dan Kerajaan Sarawak.

4. Usaha ini diteruskan pada tahun 2018 melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63), dengan sokongan Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh mendiang YB Datuk VK Liew, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), bersama Peguam Negara.
5. Pada tahun 2020, ketika YB Datuk Seri Panglima Maximus @ Johnity Ongkili menerajui portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Kerajaan Persekutuan menubuhkan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) dengan Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS, JPM) sebagai sekretariat. Portfolio ini turut pernah disandang oleh YB Datuk Armizan bin Ali antara Disember 2022 hingga Disember 2023.
6. Di bawah Kerajaan MADANI, platform rundingan MA63 telah diperkukuh melalui penubuhan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, manakala Jawatankuasa Teknikalnya dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof.
7. Sehingga kini, sebanyak 29 perkara MA63 telah dibincangkan melalui MTPMA63, dengan 13 perkara berjaya diselesaikan (9 di bawah Kerajaan Madani, 4 di bawah Kerajaan terdahulu). Ini adalah pencapaian terbaik Kerajaan Madani berbanding Perdana Menteri dan Kerajaan terdahulu dalam menguruskan pelaksanaan MA63.

	Diselesaikan Kerajaan Madani	Diselesaikan Kerajaan terdahulu
1	Pengiktirafan JKR, JPS Negeri Sabah dan Sarawak, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak serta Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah sebagai Jabatan Teknik di bawah AP182.	Penyerahan kuasa kawal selia Liquefied Petroleum Gas (LPG) kepada Kerajaan Negeri Sarawak.
2	Pindaan Akta LHDN 1995 bagi melantik wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai Anggota Tetap LHDN.	Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah.
3	Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah.	Pindaan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan.
4	Pentadbiran Badan Kehakiman di Sabah dan Sarawak.	Pemberian kuasa berkaitan pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.
5	Penyediaan garis panduan penyerahan semula tanah dirizabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.	
6	Penyerahan kuasa kawal selia elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah.	
7	Cadangan pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai pembahagian kuasa perundangan bagi Negeri Sabah dan Sarawak.	
8	Penukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri.	
9	Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak melalui pindaan Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak.	

Jadual: Senarai pelaksanaan 13 daripada 29 perkara MA63 yang telah diselesaikan di bawah Kerajaan Madani dan Kerajaan Terdahulu

8. Baki 16 perkara lagi kini sedang dirunding secara berterusan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sabah dan Kerajaan Sarawak melalui MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikalnya, dengan pemantauan rapi oleh BHESS, JPM selaku sekretariat bersama semua pihak berkepentingan. BHESS juga akan meneruskan usaha untuk mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian-kementerian serta agensinya, pihak Industri, Akademia, NGO dan pihak-pihak berkaitan untuk memantapkan pelaksanaan MA63.
9. Sebagai usaha meningkatkan ketelusan dan akses perkembangan pelaksanaan MA63 kepada rakyat terutamanya hal berkaitan tuntutan 40% hak Sabah, YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof telah bersetuju supaya BHESS, JPM membangunkan **Dashboard Status Terkini Perkara di bawah MA63**, yang dijangka boleh diakses melalui Portal Rasmi BHESS, JPM pada penghujung Januari 2026.
10. Kerajaan MADANI akan terus memastikan pelaksanaan MA63 dilaksanakan secara berhemah, inklusif dan berteraskan semangat Persekutuan Malaysia, selari dengan tekad YAB PMX untuk memperkukuh kedudukan Sabah dan Sarawak dalam pembinaan Negara.

Segulai Sejalai
Sabah Maju Jaya
Malaysia Madani

YB Datuk Mustapha Sakmud